
Pendidikan Perbandingan: Satu Catatan Awal Tentang Makna Ruanglingkup dan Tujuannya

Khadijah Zon
Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan
Universiti Sains Malaysia

This article presents some preliminary notes on the Meaning, Scope and Purpose of Comparative Education. The different definitions of Comparative Education are traced in the context of three growth-phases of this field, namely the historical-cum-philosophical, the 'melioristic' and empirical-and-scientific phases, as have been defined by Kandel, Bereday, King, and Noah and Eckstein respectively. The common denominator of all these definitions is the 'cross-cultural perspective'. Trethewey and Altbach propose also that Comparative Education look 'inwards' into the comparatists' own nation-state and attempt to help resolve some of their own national educational problems before enlarging their views to the global level. Generally one could say that Comparative Education has two main purposes - intellectual and idealistic on the one hand, and pragmatic on the other - with each of these categories incorporating other minor objectives.

Makna dan Ruanglingkup

Apakah Pendidikan Perbandingan? Kalau dilihat dari segi perkataan-perkataan yang membentuk nama bidang ini "Pendidikan Perbandingan" maka akan terbayang dengan sendirinya bahawa yang dijadikan tumpuan kajian ialah fenomena pendidikan dalam perspektif komparatif atau perbandingan. Di antara definisi yang kerap digunakan ialah: "satu kajian dan perbandingan mengenai teori dan amalan pendidikan di antara beberapa buah negara yang berasingan" (*Encyclopaedia of Educational Research*, 1952).

Isaac Kandel, seorang sarjana yang dianggap bependirian idealistik dan humanistik serta berwibawa dan sebagai 'elder statesman' dalam bidang ini, telah pun menekankan pendekatan dan analisis yang mengutamakan 'sejarah dan tradisi atau sistem nasional'. Kandel menyatakan bahawa Pendidikan Perbandingan "mengalisa dan membandingkan tekanan-tekanan kuasa yang membezakan di antara sistem-sistem pendidikan nasional" (Kandel, 1954). Bereday pula, seorang ahli Pendidikan Perbandingan yang terkenal selepas Kandel, menyatakan bahawa Pendidikan Perbandingan adalah "kajian yang analitikal mengenai sistem-sistem pendidikan asing" (Bereday, 1960). Bereday bolehlah dianggap sebagai seorang ahli Pendidikan Perbandingan yang melangkah setapak lebih jauh dari Kandel iaitu selain dari menerima pendekatan sejarah, Bereday mengusulkan penerangan cara sains sosial dan perkaedahan sains saintifik.

Harold Noah dan Max Eckstein telah maju setapak lagi daripada Bereday apabila mereka mencadangkan supaya Pendidikan Perbandingan mencakupi "kajian empirikal yang menggunakan data dari negara yang berlainan, mulai dari suatu penentuan awal mengenai masalah yang hendak dikaji sehingga kepada penilaian keputusan dan dapatannya yang akhir" (Noah & Eckstein, 1969).

Satu perkara yang perlu dijelaskan di sini ialah bahawa kesemua definisi yang diutarakan di atas menunjukkan wujudnya satu persamaan dari segi perspektifnya. Minat

kajian adalah bercorak antarabangsa dan antara-budaya. Sistem-sistem pendidikan yang dibandingkan adalah sistem-sistem dari beberapa negara terpilih. Tumpuan yang bercorak antarabangsa dan antara-budaya ini pula digambarkan di dalam beberapa strategi kajian, misalnya, ada ahli yang menganggap bahawa bidang tersebut meliputi perbandingan mengenai teori, proses pendidikan atau amalan-amalan pendidikan.

Makna dan ruanglingkup Pendidikan Perbandingan telah menjalani beberapa perubahan dan pembaharuan dari masa ke semasa. Ini adalah satu perkara yang lazim bagi semua bidang kajian ilmiah. Seperti kata A.R. Tretheway, “(perubahan itu) adalah suatu fungsi daripada perkembangan ke arah kematangan bagi sesuatu bidang yang masih dalam peringkat remajanya, dan perkembangan ini melibatkan suatu niat yang serius untuk berkembang dengan cara yang penuh keserjanaan dan relevansi sosialnya” (Tretheway, 1975).

Satu perkembangan yang diperhatikan oleh Tretheway ialah bahawa Pendidikan Perbandingan bukan hanya satu “buku catitan pengembaraan yang bergambar” atau kajian mengenai “sekolah-sekolah di negara asing”; tetapi bidang kajian ini harus juga meliputi “penelitian tentang institusi-institusi kita sendiri, nilai-nilai dan amalan-amalan kita sendiri yang diletakkan dalam perspektif bersifat antarabangsa ataupun yang lebih luas; ianya harus juga meliputi kajian-kajian tentang masalah yang berulang dalam pendidikan, dan peranan pendidikan dalam menghasilkan dan mendorong penyelesaian-penyelesaian yang bercorak ekonomi, politik dan sosial” (Tretheway, 1976).

Fokus Pendidikan Perbandingan yang bercorak makro dan terarah kepada persoalan pendidikan di tahap antarabangsa masih tetap dirasakan perlu oleh kebanyakan ahli bidang ini dalam dekad mutakhir ini. Walau bagaimanapun, salah seorang daripada mereka, Philip G. Altbach merasakan betapa perlunya bidang tersebut dan ahlinya “berusaha untuk mencapai tahap relevansi yang bertambah berkaitan dengan masalah-masalah dan pertimbangan-pertimbangan pendidikan di dalam negara kita masing-masing, melibatkan isu-isu dasar atau polisi dan penyelidikan yang lebih luas, dan juga menjadi relevan bagi ahli-ahlinya — iaitu pendidik para guru dan para profesional di dalam bidang pendidikan (Altbach, Arnove & Kelly, 1982). Saranan oleh Altbach ini amat relevan dan berguna kepada kita dalam negara yang sedang membangun. Kita amat perlu mengkaji dan menyelesaikan masalah pendidikan di dalam konteks negara sendiri sebelum kita meluangkan masa dan tenaga ke arah masalah ‘global’.

Sebagai suatu disiplin akademik, Pendidikan Perbandingan kini berada di ‘persimpangan jalan’, iaitu samalah dengan apa yang pernah dilalui oleh kebanyakan disiplin yang pesat berkembang (Edmund King, 1979). Sehubungan dengan ini Erwin H. Epstein pernah menganggap bahawa “harapan terbaik bagi perkembangan masa depan Pendidikan Perbandingan terletak pada sektor-sektor di mana sempadan di antara berbagai disiplin yang sudah mantap itu masih belum digariskan dengan tetap” (*Comparative Education*, 1981).

Secara kebetulan, definisi-definisi yang telah disentuh di atas tadi memberi juga satu gambaran tentang corak perkembangan Pendidikan Perbandingan itu sendiri. Kita dapat perhatikan, misalnya, bahawa definisi-definisi itu memperlihatkan minat para ahli bidang tersebut yang telah berkembang dari minat-minat bercorak historikal-cum-falsafah, kepada falsafah bersifat ‘melioristik’, dan kemudiannya kepada yang bersifat objektif dan sesuatu sains sosial dan empirikal. Ruanglingkup yang pernah dicadangkan oleh para ahli Pendidikan Perbandingan juga berkembang dari yang bercorak ‘antarabangsa’ dan ‘antara negara’ (cross-national) kepada yang bercorak ‘antara-budaya’ (cross-cultural), dan akhirnya kembali pula kepada yang mengutamakan sesebuah negara pilihan sambil memerhatikan akan adanya fenomena yang mempunyai ciri-ciri ketidak-stabilan ataupun perubahan-perubahan dan perkembangan yang melibatkan berbagai ‘sektor’ dan ‘institusi’ yang berlainan. Dengan perkataan lain, ruanglingkup Pendidikan Perbandingan pernah dan boleh mengutamakan perbandingan pendidikan antarabangsa ataupun antara-budaya,

tetapi boleh juga melibatkan 'introspeksi' dalam negara sendiri.

Tujuan Pendidikan Perbandingan

Dalam usaha untuk menegaskan tujuan bidang ini terdapat **dua pandangan** atau tanggapan yang jelas dan unggul: pertamanya ialah tanggapan Bereday yang bercorak intelektual dan idealistik, dan keduanya ialah tanggapan bercorak pragmatik.

Tanggapan yang bercorak intelektual itu mengandaikan bahawa kita lazimnya mencari ilmu semata-mata kerana ilmu itu sendiri. Justeru kerana itu, justifikasi untuk Pendidikan Perbandingan terletak pada kewujudan sistem-sistem pendidikan yang pelbagai di merata bahagian dunia.

Kajian perbandingan mungkin juga didorongi oleh sifat semulajadi manusia untuk memperolehi atau menguasai ilmu pengetahuan yang belum pernah diketahuinya. "Jadi, tidak ada sebab mengapa sistem-sistem pendidikan itu tidak harus dikaji secara perbandingan" (Bereday, 1964).

Dari sudut (tanggapan) yang pragmatik pula, kajian perbandingan terhadap sistem-sistem pendidikan seharusnya mendatangkan hasil yang nyata ataupun kesan yang positif lagi pragmatik. Oleh yang demikian, Pendidikan Perbandingan dirasakan harus mencapai sekurang-kurangnya empat matlamat atau tujuan yang berikut (Trettheway, 1976):

- (a) Mewujudkan fahaman yang lebih baik mengenai pendidikan di negara sendiri.
- (b) Memungkinkan perkembangan-perkembangan dalam pendidikan (termasuklah soal kemajuan material dan juga proses 'pembaharuan' yang difikirkan wajar), sama ada di tanahair sendiri atau di tempat lain.
- (c) Perkembangan di dalam ilmu pengetahuan, teori, dan prinsip mengenai pendidikan secara umum dan mungkin juga perkembangan ilmu pengetahuan tentang pendidikan dan masyarakat.
- (d) Mewujudkan keadaan persefahaman dan kerjasama serta penyelesaian masalah pendidikan yang bercorak antarabangsa, ataupun yang sekurang-kurangnya mempunyai implikasi sedemikian.

Berhubung dengan empat matlamat atau tujuan yang disebutkan di atas, kita dapati bahawa beberapa orang sarjana telah berusaha untuk memberi interpretasi mereka berdasarkan pengalaman dan minat masing-masing.

Sir Michael Sadler dalam pidato 'Guildford' yang diberikan pada tahun 1900 (**International Review of Education**, 1961-62) dan Isaac Kandel dalam tahun 1933 (Kandel, 1933), mengemukakan pendapat yang sama, bahawa kajian yang dilakukan terhadap sistem pendidikan asing dengan sendirinya akan melahirkan suatu pendekatan yang kritikal untuk membantu dalam penelitian sistem pendidikan kita sendiri. Bagi William W. Brickman pula, dianggapnya bahawa fahaman tentang sistem kita sendiri wujud sekaligus dengan usaha untuk memahami sistem lain. Tanggapan Brickman ini timbul dari salah satu tujuan Pendidikan Perbandingan, iaitu untuk memperolehi maklumat yang boleh dipercayai mengenai sistem-sistem, idea-idea, dan masalah pendidikan dari berbagai negara, (Brickman, 1973).

Kajian bercorak perbandingan, bolehlah diandaikan juga sebagai usaha yang dapat menimbulkan cabaran-cabaran terhadap asas-asas dan latarbelakang sistem pendidikan kita sendiri. Sehubungan dengan ini, Bereday pernah menyatakan bahawa kita sebenarnya dapat mempelajari sesuatu daripada pengalaman maupun kesilapan-kesilapan di dalam sistem

persekolahan orang lain. Sekurang-kurangnya, kesilapan-kesilapan yang dilaporkan itu dapat dijadikan iktibar oleh para pembentuk dasar pendidikan yang mempunyai kesedaran (Bereday, 1964).

Untuk memberi justifikasi kepada Pendidikan Perbandingan, seorang lagi sarjana bernama Vernon Mallinson dalam tahun 1957 telah menghujahkan bahawa kajian perbandingan sesungguhnya mendatangkan menafaat. Setelah membiasakan diri dengan apa yang wujud dalam sistem pendidikan di negara lain, seseorang pengkaji itu dipercayai mempunyai kebolehan untuk mengkaji memahami dan merancang dengan baik apa yang mungkin diperlukan oleh sistem pendidikannya sendiri. Demikianlah, diyakini bahawa kajian perbandingan dapat dimanfaatkan oleh para pengkaji dan perancang sistem pendidikan.

Kemanafaatan Pendidikan Perbandingan kepada golongan pelajar pernah difikirkan oleh Ian Thut dan Don Adams dalam tahun 1965. Mereka menyatakan bahawa kajian bercorak perbandingan ini, sekiranya dilaksanakan mengikut kaedah yang sebaik-baiknya, sepatutnya akan membolehkan pelajar yang lulus dari bidang ini memainkan peranan mereka dengan wajar lagi berkesan dalam bidang tugas masing-masing (Thut & Adam, 1965).

Dengan perkataan lain, bolehlah dikatakan bahawa kajian-kajian Pendidikan Perbandingan dapat melahirkan dua kesan yang baik — satunya ialah terhimpunnya berbagai analisis terhadap sistem pendidikan, dan keduanya ialah himpunan atau khazanah ilmu pengetahuan yang membantu kita dalam usaha memahami selok belok dan jentera pendidikan di tanahair kita sendiri. Sehubungan dengan ini kita akan dapat perhatikan bahawa sebahagian besar daripada kegiatan para ahli Pendidikan Perbandingan ialah usaha-usaha mencari yang berikut:

- (a) Bentuk-bentuk analisis yang berkesan (atau model dan strategi kajian serta instrumentasinya).
- (b) Pola dan trend-trend dalam perkembangan pendidikan.
- (c) Beberapa generalisasi maupun 'hukum-hukum' yang umum dalam kewujudan dan kemajuan sistem pendidikan.

Sesungguhnya, apabila kita mengkaji sistem pendidikan asing dalam konteks tertentu, kita akan dapat memperluaskan pandangan kita atau sekurang-kurangnya mulai mengembangkan asas-asas untuk membantu pertimbangan dan keputusan yang akan kita buat. Asas-asas pertimbangan itu mungkin boleh melampaui batas-batas terhad yang sedia wujud akibat dari pengalaman kita yang juga terhad kepada sesuatu bahagian dari sistem pendidikan kita sendiri.

Untuk kebaikan para pelajar ilmu pendidikan bolehlah disarankan supaya mereka diperkenalkan kepada sistem pendidikan negara sendiri, sama ada secara umum ataupun khusus, dan kemudiannya mereka diperkenalkan kepada sistem-sistem dari negara lain. Dengan cara ini kita mungkin akan dapat mengurangkan pandangan bercorak kedaerahan yang sempit atau 'parochialism' yang begitu mudah akan di kalangan pelajar. Sehubungan dengan hujah atau tanggapan ini George Bereday menyatakan bahawa Pendidikan Perbandingan amat berkesan dalam mengatasi perspektif 'ethnosentrik' kerana perspektifnya yang bersifat 'global' itu dengan sendirinya dapat menyedarkan kita tentang keadaan dan sudut pandangan orang lain (Bereday, 1964). Di antara pendapatnya yang bernas itu Bereday menyatakan: "it is self-knowledge born of the awareness of others that is the finest lesson Comparative Education can afford."

Berasaskan hujah-hujah di atas maka bolehlah kita simpulkan bahawa Pendidikan Perbandingan amat berguna kepada golongan pengkaji maupun pelajar ilmu pendidikan.

Hanya, apa yang kelihatan di rantau kita ini ialah minat serta penekanan yang tidak berapa menggalakkan perluasan bidang ini dalam konteks ilmu pendidikan secara umum.

Tadi ada disebutkan tentang tujuan atau kegunaan bidang Pendidikan Perbandingan dari segi yang agak pragmatik — iaitu dapat menyumbangkan sesuatu kepada perkembangan, kemajuan atau perubahan dalam pendidikan. Walau bagaimanapun, kadangkala terdapat juga takrifan yang agak radikal diberikan kepada pengertian 'perkembangan' itu. Salah satu contoh pendapat yang 'radikal' itu pernah dicadangkan oleh Edmund King. Beliau bermula dari titik-tolak yang menganggap tujuan Pendidikan Perbandingan yang lebih penting ialah untuk "merobah dan memperbaiki keadaan" walaupun secara keras dan bersifat "reformatif". Mengikuti King, sekiranya ini bukan menjadi tujuan penting bidang tersebut maka "tidak ada gunanya (kita) membanding-bandingkan sistem-sistem pendidikan" (Edmund King, 1973).

Jadi, jelaslah bahawa di kalangan ahli-ahli bidang ini terdapat persetujuan umum atau konsensus bahawa bidang ini perlu banyak terlibat dengan kegiatan 'pembaharuan' dan kemajuan sistem pendidikan di merata dunia. Hanya kaedah-kaedah yang khusus sahaja belum dipersetujui secara menyeluruh — iaitu mengenai tatacara perbandingan yang dapat membantu, secara berkesan, dalam usaha mencari asas-asas penentuan keputusan dan tindakan di pihak para pembentuk dasar. Berkaitan dengan perkara ini juga, Nicholas Hans pernah mengemukakan pendapat bahawa sebahagian besar daripada masalah pendidikan dapat diselesaikan berpandukan prinsip-prinsip yang akan diperolehi dari kajian perbandingan (Nicholas Hans, 1952). Pendapat ini tidak berapa berbeza dari pandangan Bereday, misalnya, yang menganggap bahawa kajian perbandingan boleh mendatangkan menafaat dalam ertikata sesebuah negara akan dapat 'mempelajari' apa yang pernah dialami oleh sesebuah negara yang lain (Bereday, 1960).

Dilihat dalam konteks yang 'global' bolehlah dikatakan bahawa para sarjana Pendidikan Perbandingan menganggap bidang ini sebagai sesuatu yang dapat melahirkan persefahaman dan kerjasama pada tahap antarabangsa. Diandaikan bahawa dengan adanya persefahaman itu banyak masalah pendidikan dapat diselesaikan atau diatasi. Noah dan Eckstein, misalnya, begitu yakin bahawa perspektif antarabangsa disiplin ini dapat membenters 'keadaan jahil' yang mungkin melanda keluarga dan masyarakat kita (Noah & Eckstein, 1969). Walau bagaimanapun, istilah 'jahil' di sini bukanlah sepertimana yang digunakan dalam konteks Islam dan falsafahnya, di mana kejahilan membawa maksud bahawa di situ terdapat kekosongan ilmu dan petunjuk atau 'hidayat' yang menyedarkan manusia akan kedudukannya sebagai makhluk vis-avis Allah).

Kalau kita kaji pendirian Isaac Kandel pula, kita akan dapati suatu keyakinan pada diri beliau tentang 'perkhidmatan' yang dapat disumbangkan oleh Pendidikan Perbandingan kepada masyarakat, khususnya kepada para pendidik. Sumbangan atau khidmat itu lahir dalam bentuk 'kaedah analisis' (yang bertolak dari strategi dan model-model kajian) dan 'pemahaman tentang sistem-sistem pendidikan' yang seterusnya mungkin dapat menjadi 'alat' pembentuk ideologi politik (Kandel, 1933). Andaikata kita dapat memahami sistem pendidikan dengan baik, maka dengan sendirinya unsur-unsur tertentu yang berpotensi merosakkan sistem itu dapat dikenalpasti dan diperbaiki, agar hak-hak individu dan masyarakat terus terjamin.

Sebagai pendidik ataupun ahli dalam ilmu pendidikan, kita sebenarnya tidak dapat lari dari isu-isu, terutamanya yang wujud di paras 'global' dan menyentuh pendidikan. Sehubungan dengan ini, William Brickman pernah menyatakan keyakinannya bahawa perspektif antarabangsa yang ditekankan dalam Pendidikan Perbandingan dapat mewujudkan 'sikap objektif' terhadap beberapa isu (Brickman, 1973). Oleh yang demikian, perspektif antarabangsa atau sejagat ini menjadi anak kunci bagi pencapaian matlamat keempat Pendidik Perbandingan, iaitu untuk mewujudkan persefahaman dan kerjasama dalam penyelesaian masalah pendidikan. Tetapi, perlu disebutkan juga bahawa kesan akhir

yang pragmatik ataupun praktikal memerlukan juga sokongan yang realistik dari agensi-agensi pendidikan di tahap kebangsaan ataupun antarabangsa, keranan badan-badan itulah yang biasanya mempunyai struktur dan kemudahan pentadbiran (serta sumber kewangan) yang boleh membantu idealisme para sarjana. Dalam konteks sebuah negara yang sedang membangun seperti Malaysia misalnya, idealisme yang dipegang oleh golongan sarjana mungkin bermula pada tahap yang agak 'personal' yang melahirkan strategi penyelidikan yang kadangkala bersifat 'introspektif'. Namun begitu, kita tidak seharusnya memperkecil-kecilkan bibit-bibit idealisme seperti ini dalam usaha kita untuk memajukan strategi penyelidikan dan penyelesaian masalah yang 'besar-besar' sifat serta kesannya.

Rujukan

- Altbach, Philip G., Arnove, R.F., Kelly, G. (Comparative Education.) New York: Macmillan, 1982.
- Anderson, C.A. "The Methodology of Comparative Education." dalam *International Review of Education*. No. 7 (1952): 55-59.
- Bereday, G.Z.F. *Comparative Method in Education*. New York: Holt, Rinehart & Winstron, 1964.
- Brickman, W.W. *Comparative Education: Concept, Research and Application*. Philadelphia: Norwood, 1973.
- Comparative Education*. Vol. 17, no. 3 (1981).
- Comparative Education Review*, Vol. 24 (June 1980).
- Fraser, S.E., & Brickman, W.W. *A History of International and Comparative Education*. Glenview, Illinois: Scott, Foresman & Co, 1968.
- Gezi, Kalil I. Ed. *Education in Comparative and International Perceptives*. New York, Toronto, London, Sydney, etc.: Holt, Rinehart & Winston, 1971.
- International Review of Education*, no. 7 (1961-62).
- Jones, Phillip, *Comparative Education: Purpose and Methods*. St. Lucia, Queensland: University of Queensland Press, 1971.
- Kandel, Isaac L. *The New Era in Education*. London: Harrap, 1954.
- King, E.J. *Other Schools and Ours*. New York: Holt, Rinehart & Winston, 1973.
- Noah, H.J. & Eckstein, M.H. *Toward a Science of Comparative Education*. Toronto: Macmilan, 1969.
- Thut, I.N. & Adams, D. *Educational Patterns in Contemporary Societies*. New York: McGraw-Hill, 1969.
- Tretheway, A.R. *Introducing Comparative Education*. Australia: Pergamon Press, 1976.
- Ulrich, Robert. *The Education of Nations: A Comparison in Historical Perspectives*. Massachusetts: Harvard University Press, 1962.